

# Petani mengeluh sawah kering

**ALOR SETAR** - Golongan petani di Kampung Alor Besar, belakang Sekolah Kebangsaan Taman Awana merayu kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) agar dapat membekalkan air ke sawah untuk aktiviti pertanian musim ini.

Mereka mendakwa, sejak air dibekalkan melalui Empangan Pedu Mac lalu, sehingga kini masih belum sampai.

Petani, Ali Ishak, 46, berkata, mereka masih lagi menunggu bekalan air untuk disalurkan ke sawah bagi aktiviti membajak.

Bagaimanapun, sehingga kini mereka belum mendapat bekalan air dan tanah sawah menjadi semakin keras.

"Sebelum ni bekalan air sentiasa sampai setiap waktu musim tanaman. Kami dah jumpa dengan pihak berkenaan tapi tak ada jawapan pas-



**Petani di Kampung Alor Besar menunjukkan tanah sawah mereka yang belum menerima air.**

ti diberi.

"Masalah seperti ini tak sepatutnya berlaku sebab kami dah usahakan sawah ni sejak berpuluh tahun dan segala kemudahan sudah pun dibina. Tapi hairan kenapa kali ni jadi macam ni," katanya.

Salleh Taib, 65, pula ber-

kata, kelewatan membekalkan air ke sawah di kawasan itu akan memberi kesan jangka panjang kepada petani kerana hasil padi akan lewat dituai.

"Padi akan mudah diserang penyakit dan petani terpaksa tanggung rugi.

"Selepas masalah ini didadu kepada pihak berkenaan, mereka seharusnya turun padang dan berjumpa dengan petani sendiri supaya masalah itu dapat diselesaikan secepat mungkin. Sekarang kami dah tak tau nak mengadu kepada siapa lagi," katanya.